



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

## KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

Pelawaan ini terbuka kepada syarikat tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian dalam pelawaan berikut:

Bil.	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	SYARAT PENYERTAAN PELAWAAN	TARIKH DAN WAKTU UTAMA DIBUKA	TARIKH DAN WAKTU UTAMA DITUTUP
1.	No. Perolehan: JBSN:S.400-5/8/1 ( )  <i>Request for Proposal (RFP)</i> bagi Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda – Jaguh Rakan Muda Musim Kedua	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Dalam Semua Kod Bidang Berikut:  (i) 221301 (Pengeluaran Filem)  (ii) 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan)	Tarikh Mula Iklan: 18 Mei 2026 (Isnin)  Tarikh Taklimat RFP: 21 Mei 2026 (Khamis) jam 10.30 pagi  Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat Aras 4, Menara KBS Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 WP Putrajaya  (Kehadiran pembida ke sesi taklimat adalah <b>WAJIB</b> bagi memahami skop dan penyediaan dokumen)	Tarikh Tamat Iklan :  8 Jun 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari

1. Pembida yang ingin menyertai pelawaan ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas.
2. Hanya penama yang terdapat dalam sijil pendaftaran seperti dalam syarat penyertaan pelawaan sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat.
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan urus setia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
4. Kerajaan tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan *Request for Proposal* (RFP) yang dikemukakan oleh Pembida.
5. Kerajaan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Pihak Kerajaan boleh mengadakan rundingan dengan pihak syarikat sebelum tawaran dibuat
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "CADANGAN TEKNIKAL RFP JRM 26" dan "CADANGAN KEWANGAN RFP JRM 26" di penjuru kanan sampul dan dialamatkan kepada:

**KETUA SETIAUSAHA,  
ARAS 2, MENARA KBS,  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
NO 27 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA  
(u.p: CAWANGAN PEROLEHAN, JBSN)**